

## BULETIN ROBOKAR SEGAMAT

Pada 11 & 12 Oktober yang lepas, Pejabat Dewan Undangan Negeri DUN Kemelah telah mengambil satu inisiatif bagi mengadakan bengkel pengaturcaraan robot dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Segamat dan Fakulti Kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang bertempat di Dewan ICT, Tunku Abdul Rahman University College (TAR UC), Segamat. Program ini melibatkan seramai 110 orang pelajar dan 32 orang guru daripada 21 buah sekolah sekitar segamat terutama sekali daripada sekolah-sekolah kawasan Dun Kemelah.



Peserta Bengkel *bersama-sama* YB Dun Kemelah.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan serta memupuk minat pengaturcaraan komputer melalui kemahiran pengaturcaraan dengan robot untuk murid sekolah sejajar dengan revolusi industri ke-4 (4IR) dalam mencapai pembangunan teknologi masa kini.



Aktiviti Penyelesaian Masalah.

Yang Berhormat, Dr Haji Sulaiman Mohd Nor telah merasmikan bengkel selama dua hari ini. Beliau mengucapkan kata syukur kerana dapat merealisasikan program robotik ini. Program ini merupakan salah satu program besar di bawah bidang Pendidikan yang telah dianjurkan oleh Pejabat Dewan Undangan Negeri DUN Kemelah atas cetusan idea beliau tersendiri dengan kerjasama PPD Segamat dan UTM.

“Ini adalah suatu langkah sebelum anak-anak didik Daerah Segamat melangkah ke langkah lebih jauh, kami mulakan dengan langkah pertama agar anak Segamat juga tidak ketinggalan dan mampu berdaya saing dengan pelajar-pelajar dari sekolah di daerah-daerah lain dan di Negeri lain,”katanya. Beliau juga mengucapkan Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang turut menjayakan bengkel pengaturcaraan RoboKar secara langsung atau tidak langsung.



Dari kanan, YB Dun Kemelah, **Dr. Sulaiman Mohd Nor** dan cikgu dari sekolah yang menerima RoboKar

Pejabat Dewan Undangan Negeri DUN Kemelah telah menyumbangkan 15 set robot kepada 5 buah sekolah menengah di Dun Kemelah. Setiap sekolah telah menerima 3 set robot untuk kegunaan latihan pengaturcaraan robotik. Inisiatif ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan murid kepada pengaturcaraan program melalui robotik. Robot yang disumbangkan baru-baru ini adalah robot yang telah dibangunkan hasil kerjasama Sekolah Kejuruteraan Elektrik dan Sekolah Komputeran, Fakulti Kejuruteraan, UTM. Sejak tahun 2012, robot ini telah diberi nama khas iaitu RoboKar untuk diadaptasi dan digunakan dalam sistem pembelajaran dan pengenalan pengaturcaraan komputer melalui robotik kepada tahap pendidikan yang berbeza iaitu peringkat sekolah mahupun universiti. Majlis penyampaian

set RoboKar kepada pihak sekolah disempurnakan oleh YB Dr. Haji Sulaiman Mohd Nor di Dewan ICT, TAR UC.

## INFO

Sekolah yang menerima set RoboKar

1. Smk Dato Bentara Dalam
2. Smk Agama Segamat
3. Smk Bandar Putera
4. Smk Paduka Tuan
5. Kolej Vokasional Segamat

Sekolah yang menyertai bengkel pengaturcaraan robot

1. Smk Dato Bentara Dalam
2. Smk Agama Segamat
3. Smk Bandar Putera
4. Smk Paduka Tuan
5. Kolej Vokasional Segamat
6. Smk Jementah
7. Smk Labis
8. Smk Munshi Ibrahim
9. Smk Dato Ahmad Arsad
10. Smk Chaah
11. Smk Seri Bali
12. Smka Al-khairiah
13. Smk Buloh Kasap
14. Smk Tenang Stesen
15. Smk Bekok
16. Smk Palong Timur
17. Smk Moakil
18. Smk Gemereh
19. Smk Seri Jementah
20. Smk Seri Kenangan
21. Smk Tinggi Segamat



*Wakil sekolah yang menerima set RoboKar Bersama YB Dr Sulaiman Mohd Nor.*